

26 JUN 2002

Umno-Pilihan raya

UMNO PERAK BANTU KEDAH SEMASA PILIHAN RAYA KECIL

IPOH, 26 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Perak akan menghantar anggotanya dari enam bahagian yang berhampiran dengan negeri Kedah bagi membantu Umno Kedah menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang juga pengerusi badan itu berkata, bahagian terbabit ialah Parit Buntar, Bagan Serai, Taiping, Larut, Bukit Gantang dan Gerik.

"Kita telah buat keputusan perkara itu pada mesyuarat badan perhubungan Perak di Kuala Lumpur malam tadi. Kita telah melantik mereka yang bertanggungjawab menjaga peti undi di sana," katanya selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini.

Pilihan raya kecil bagi kedua-dua kerusi itu akan diadakan berikutan kematian penyandanganya yang juga Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor pada Ahad lepas.

Tajol Rosli berkata Majlis Tertinggi Umno telah memilih Perak, Selangor dan Pulau Pinang untuk menjaga peti undi Anak Bukit.

Katanya, ketua-ketua bahagian Tapah (Datuk Azman Mahalan), Taiping (Datuk Abdul Malek Md Hanafiah), Kuala Kangsar (Datuk Ramly Zahari), timbalan ketua bahagian Gerik Hasbullah Osman dan rakan sejawatannya di Chenderoh, Shaarani Mohamad serta naib ketuanya, Datuk Jamal Nasir Rasdi dilantik mengawasi enam peti undi di kawasan itu yang di bawah jagaan Umno Perak.

Selain itu, kesemua 23 bahagian Umno di negeri ini akan menghantar van masing-masing bagi membantu jentera pilihan raya serta membawa para pengundi semasa hari pengundian.

Tajol Rosli berkata usaha merampas kerusi itu memang sukar tetapi beliau yakin ia boleh dilakukan jika Umno Kedah dapat bersatu padu menghadapinya.

"Bukan senang hendak menang kerusi itu kerana mungkin ada simpati untuk Fadzil. Lagipun PAS memang berhajat hendak tawan Kedah, jadi kita kena turun habis-habisan bagi menang kerusi itu," kata beliau.

Beliau juga berkata satu taklimat untuk anggota dewan undangan negeri Perak akan diadakan tidak lama lagi bagi memberi penjelasan mengenai keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berundur selepas Oktober tahun depan.

"Umno Perak menyokong penuh keputusan Perdana Menteri untuk kembali memegang jawatan itu sehingga tahun depan. Kita juga menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau apabila tiba masanya," katanya.

-- BERNAMA

AR NMO